

PERBEZAAN DI ANTARA KENDIRI SEBENAR DAN KENDIRI IDEAL (PART 3)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

2.1 Kendiri Sebenar:

Kendiri Sebenar adalah keadaan asal seseorang yang merangkumi keadaan dirinya yang sedia ada dari sudut:

- i. **material** seperti struktur fizikal, pemilikan material dan sebagainya;
- ii. sudut **spiritual** seperti trait personaliti, kepercayaan, sikap dan persepsi sosial;
- iii. juga sudut **sosial** mengenai apa yang dikenali oleh orang lain di kalangan ibu bapa, kawan-kawan, guru dan sebagainya pada diri kita sendiri.

Seseorang dilahirkan dengan keadaan fizikal asal, bahkan juga memiliki beberapa keistimewaan serta kelemahan tertentu daripada pelbagai aspek. Demikian adalah fitrah kejadian manusia. Maha suci Allah yang telah menciptakan manusia dengan pelbagai variasi daripada pelbagai sudut.

Hasil daripada persekitaran, pengalaman dan didikan juga, secara tidak sedar Kendiri Sebenar ini terbentuk dengan sendirinya. Ia tidak diniatkan untuk terbentuk, akan tetapi wujud dengan senario yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan.

Rogers berpendapat bahawa Kendiri Sebenar adalah tingkah laku seseorang individu. Kebiasaannya Kendiri Sebenar ini agak sukar untuk disesuaikan dengan kehendak realiti. Kebanyakan daripada apa yang kita miliki pada diri (Kendiri Sebenar) belum tentu sesuai dengan kehendak realiti atau kehendak semasa.

Oleh itu, ia dikatakan sebagai sendiri yang boleh bersifat kongruen (mempunyai kesesuaian/ serasi) dan tidak kongruen (tidak sesuai/ bertentangan) terhadap keadaan realiti. Iaitu sama ada keserasian atau konflik di antara Kendiri Sebenar dengan keadaan realiti.

Kendiri Sebenar adalah bersifat umum. Merangkumi sendiri asal yang positif dan juga negatif. Iaitu merangkumi segala bentuk personaliti individu sama ada yang baik mahupun yang buruk; kelebihan mahu pun kelemahan.

Dunia hari ini yang penuh dengan cabaran globalisasi dan teknologi maklumat, setiap individu perlu ada sendiri yang minat dan celik terhadap penggunaan komputer. Demikian adalah realiti. Namun sekiranya seseorang memiliki Kendiri Sebenar yang memang tidak minat terhadap komputer, maka Kendiri Sebenar ini disifatkan tidak Kongruen dengan kehendak realiti.

Dengan itu, ia akan terdiri daripada dua sudut kesesuaian dengan realiti; sama ada kesesuaian yang baik seperti Kendiri Sebenar yang bersifat memiliki ketinggian harga diri, kesihatan mental yang baik serta mentaliti penyesuaian diri; atau kesesuaian yang tidak baik iaitu beberapa sendiri asal yang perlu kepada perubahan, pembaikan serta peningkatan.

Kendiri Sebenar adalah keadaan diri kita pada hari ini. Sebagaimana yang telah tercipta pada diri. Ada juga kemungkinan bahawa Kendiri Sebenar seseorang pada hari ini adalah merupakan suatu Kendiri Idealnya pada suatu masa dahulu sebelumnya.

CONTINUE...